

Isa menyembuhkan seorang yang dirasuk roh iblis

Petikan dari Kitab Injil: [Markus 5:1-20](#).

¹Lalu sampailah mereka di seberang laut, di daerah Gerasa. ²Sebaik-baik Isa turun dari perahu, seorang lelaki yang kerasukan roh durjana keluar dari perkuburan lalu menemui-Nya. ³Orang itu tinggal di kawasan perkuburan. Tiada siapa terdaya mengikatnya lagi, meskipun dengan rantai. ⁴Berkali-kali dia dirantai dan dibelenggu, tetapi dapat diputuskannya rantai itu dan dipatahkannya belenggu itu. Tiada seorang pun dapat menguasainya. ⁵Siang malam dia merayau di perkuburan dan di bukit, sambil menjerit-jerit dan mencederakan badannya dengan batu.

⁶Dari jauh dia melihat Isa lalu lari mendekati-Nya dan sujud di hadapan-Nya. ⁷Orang itu berseru dengan suara keras, 'Hai Isa, Putera Allah Yang Maha Tinggi, apa urusan-Mu dengan aku? Demi Allah, jangan seksa aku!' ⁸Kerana sebelumnya Isa berkata kepadanya, 'Roh durjana, keluarlah kamu daripada orang ini!'

⁹Kemudian Isa bertanya kepadanya, 'Siapa namamu?'

Orang itu menjawab, 'Legion, kerana kami ini ramai sekali.' ¹⁰Dia memohon sungguh-sungguh kepada Isa supaya tidak menghalau mereka keluar dari kawasan itu.

¹¹Berdekatan tempat itu ada kawanan babi yang sedang mencari makan di lereng bukit. ¹²Roh-roh iblis itu memohon kepada Isa, 'Suruhlah kami pindah ke babi itu, biarlah kami masuk ke dalam tubuh babi itu.' ¹³Isa bersetuju, lalu roh-roh durjana itu keluar dan masuk ke dalam tubuh kawanan babi itu. Kesemua babi itu, kira-kira dua ribu ekor, terjun dari tepi cenuram ke dalam laut lalu mati lemas.

¹⁴Penjaga-penjaga babi itu lari lalu menyebarkan berita itu di bandar dan di desa. Para penduduk pun keluar hendak melihat apa yang telah terjadi. ¹⁵Mereka menghampiri Isa lalu melihat orang yang tadinya dirasuk roh iblis yang banyak itu, kini duduk diam, sudah berpakaian dan ternyata siuman. Mereka semua pun ketakutan. ¹⁶Semua yang telah menyaksikan kejadian itu menceritakan segala-galanya tentang orang yang kerasukan roh iblis dan kawanan babi itu. ¹⁷Oleh itu mereka meminta Isa meninggalkan daerah itu.

¹⁸Ketika Isa menaiki perahu, orang yang tadinya dirasuk roh iblis itu memohon kepada-Nya, supaya dia dibenarkan menyertai-Nya. ¹⁹Tetapi Isa tidak membenarkan, sebaliknya berkata, 'Pulanglah kepada keluargamu, kepada orang sekampungmu. Beritahu mereka betapa besarnya pertolongan Tuhan bagimu dan bagaimana Dia telah berbelas kasihan pada kamu.' ²⁰Orang itu pun mula menjelajahi daerah sepuluh kota dan menceritakan segala yang telah dilakukan oleh Isa untuknya. Mereka semua kehairanan.